

**Pergerakan Pemuda Umno Sumbang 110 Kanopi Kepada Tanah Perkuburan Islam
Bernama
12 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Sekretariat Hal Ehwal Bandar (SHEB) Pergerakan Pemuda Umno hari ini menyumbangkan 110 buah kanopi kepada 20 buah tanah perkuburan Islam sekitar Lembah Klang bagi memberi keselesaan kepada pengunjungnya khususnya pada pagi Aidilfitri.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata pada tahun lepas, sebanyak 140 buah kanopi disumbangkan melalui Program Kanopi Masyarakat Bagi Tanah Perkuburan Islam.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian sumbangan itu kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan di Masjid Al-Khadijiah, Pantai Dalam, di sini, hari ini.

Sementara itu, pada majlis berbuka puasa kementerian itu bersama rakyat dan program Nur Ramadan, Raja Nong Chik turut menyempurnakan penyampaian sumbangan wang tunai sebanyak RM100 kepada 2,000 anak yatim, warga emas, fakir miskin, ibu tunggal dan orang kelainan upaya di sekitar Pantai Dalam.

Beliau turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM10,000 bagi penambahbaikan Masjid Al-Ikhlasih, Kampung Kerinchi, di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687573>